

# ANALISA KES MELIBATKAN ANAK TAK SAH TARAF DI MAHKAMAH SYARIAH

Dr. Zulkifli bin Hassan  
Dr. Irwan bin Mohd Subri  
Dr. Lukman bin Abdul Mutalib  
**Fakulti Syariah dan Undang-undang**  
**Universiti Sains Islam Malaysia**

## Abstrak

*Artikel ini memfokuskan kajian tentang isu Anak Tak Sah Taraf di Malaysia dengan merujuk dan menganalisa kes-kes yang diputuskan di Mahkamah Syariah. Setelah meneliti beberapa penghakiman di Mahkamah Syariah yang melibatkan kes berkaitan Anak Tak Sah Taraf, penulis mendapati bahawa Mahkamah Syariah mempunyai dua pendekatan dalam kes melibatkan permohonan pengesabtarafan Anak Tak Sah Taraf iaitu sama ada Menolak Permohonan Pengesabtarafan Anak atau Membenarkan Permohonan Pengesabtarafan Anak Tak Sah Taraf. Artikel ini akan membicarakan isu-isu yang signifikan dan penting berkaitan dengan kedudukan Anak Tak Sah Taraf sepertimana yang diputuskan di Mahkamah Syariah dengan merujuk kepada peruntukan undang-undang dan hukum syarak.*

Kata kunci: *Anak Tak Sah Taraf, Mahkamah Syariah, Undang-undang Keluarga dan Pengesabtarafan.*

## 1.0 Pendahuluan

Di Malaysia, bagi mereka yang beragama Islam, peruntukan berkaitan kesahatarafan anak terletak di bawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri sebagaimana termaktub dalam Senarai 2 (Senarai Negeri), Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, Kuasa negeri-negeri berhubung dengan Hukum Syarak. Seksyen 2, 81, 86, 111 dan 112 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri-negeri memperuntukkan beberapa peruntukan mengenai kedudukan Anak Tak Sah Taraf.

Secara umumnya, semua prosedur pendaftaran kelahiran adalah di bawah bidang kuasa Jabatan pendaftaran Negara. Perkara ini diperuntukkan di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957. Melalui Akta ini Jabatan Pendaftaran Negara mempunyai kuasa untuk membuat Peraturan dan Kaedah Pendaftaran yang mesti dipatuhi oleh semua pihak yang berurusan dengannya seperti Peraturan Pendaftaran Negara dan Kaedah Pendaftaran Kelahiran dan Kematian.

Pihak Jabatan Pendaftaran negara juga merekodkan dan menyimpan semua data berkaitan dengan kelahiran dan ini termasuk pendaftaran kelahiran Anak Tak Sah Taraf. Di Malaysia statistik berkenaan Anak Tak Sah Taraf yang telah dikeluarkan oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara menunjukkan peningkatan setiap tahun. Jika dilihat pada tahun 2009 sebanyak 52,620 pendaftaran

Anak Tak Sah Taraf telah didaftarkan, sementara 2010 sebanyak 52,710, 2011 sebanyak 54,150 dan jumlah keseluruhan pendaftaran sebanyak 159,480<sup>1</sup>. Ini menunjukkan serba sedikit gambaran peningkatan ketara jumlah Anak Tak Sah Taraf yang didaftarkan di Malaysia. Situasi ini menimbulkan kebimbangan kepada masyarakat mengenai implikasi sosial dan budaya.

Berdasarkan kepada signifikannya kes melibatkan Anak Tak Sah Taraf ini khususnya kepada orang Islam, artikel ini akan membincangkan kedudukan Anak Tak Sah Taraf dari perspektif Syariah dengan secara khusus membuat analisa kes di Mahkamah Syariah. Penulis akan membicarakan dan mengetengahkan beberapa isu yang signifikan dan penting berkenaan dengan kedudukan Anak Tak Sah Taraf sepertimana yang telah diputuskan di beberapa Mahkamah Syariah di Malaysia.

## **2.0 Prosedur Permohonan Pengesahatarafan Anak Tak Sah Taraf di Mahkamah Syariah**

Mahkamah Tinggi Syariah adalah mahkamah yang berbidang kuasa mendengar sebarang kes mengenai Anak Tak Sah Taraf. Oleh itu, sebarang permohonan mestilah dibuat Mahkamah Tinggi Syariah negeri seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen Mahkamah Syariah negeri-negeri. Bagi aspek prosedur, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah memperuntukkan tatacara bagi membuat permohonan Anak Tak Sah Taraf. Pemohon sama ada ibu, bapa, datuk, nenek dan penjaga termasuk Anak Tak Sah Taraf sendiri boleh membuat permohonan pengesahatarafan di Mahkamah Tinggi Syariah negeri-negeri.

Kebiasaannya, permohonan pengesahatarafan Anak Tak Sah Taraf ini dibuat oleh ibu atau bapa atau keluarga seperti datuk atau nenek atau ia dipohon sendiri oleh Anak Tak Sah Taraf itu sendiri. Setelah menemubual beberapa responden yang terdiri daripada pengamal guaman syarie termasuk hakim<sup>2</sup>, peguam<sup>3</sup> dan pendaftar Mahkamah Syariah<sup>4</sup> dan membaca kes-kes di Mahkamah, dapatlah disimpulkan terdapat beberapa jenis kes yang melibatkan permohonan pengesahatarafan Anak Tak Sah Taraf di Mahkamah Syariah dan ini termasuk:-

---

<sup>1</sup> Azliza Shaharuddin, Timbalan Pengarah Bahagian Kelahiran, Kematian & Anak angkat, Jabatan Pendaftaran Negara, 6 November 2012: Temubual.

<sup>2</sup> Yang Amat Arif Dato' Ismail bin Arif di Mahkamah Syariah Terengganu, 21 Oktober 2012, Kuala Terengganu dan Yang Arif Tuan Hakim Tuan Abdul Ghani Kiflie, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, 10 Oktober 2012: Temubual

<sup>3</sup> Datuk Zainul Rijal Abu Bakar, Presiden Persatuan Peguam Muslim Malaysia, 18 Oktober 2012: Temubual.

<sup>4</sup> Tuan Rohaizad Redzuan, Mahkamah Syariah Negeri Sembilan, 5 Oktober 2012: Temubual.

- (i) Pihak Jabatan Pendaftaran Negara menolak untuk menasabkan Anak Tak Sah Taraf kepada bapa biologi;
- (ii) Permohonan Pelantikan Wali Hakim;
- (iii) Permohonan Pembahagian Harta Pusaka;
- (iv) Permohonan Mengesahkan Sabitan Nasab;

Kebanyakan kes yang terdapat di Mahkamah melibatkan permohonan pengesahatarafan Anak Tak Sah Taraf merujuk kepada perkara (i) dan (ii) di atas. Ini memandangkan pihak Jabatan pendaftaran negara tidak akan menerima sebarang pendaftaran kelahiran yang ingin membincangkan anak kepada bapa biologi sekiranya dokumen tidak lengkap seperti kes kehilangan sijil nikah atau perkahwinan yang melibatkan kelahiran di bawah enam bulan dari tarikh pernikahan. Amalannya, pihak Jabatan Pendaftaran Negara akan meminta pemohon untuk merujuk kes di Mahkamah Syariah dan mendapatkan perintah Pengesahatarafan Anak.

Terdapat juga kes yang melibatkan permohonan Pengesahatarafan anak yang dibuat sendiri oleh Anak Tak Sah Taraf tersebut dan ini biasanya melibatkan kes di mana pemohon ingin memastikan status beliau sama ada perlu kepada pelantikan wali am bagi pernikahan. Selain itu, perkara iv di atas merujuk kepada permohonan untuk mensabitkan nasab dan menentukan kelayakan untuk menerima pembahagian harta pusaka. Ini termasuk juga kes di mana pemohon tidak mempunyai masalah nasab kepada bapa biologi tetapi Anak Tak Sah Taraf itu sendiri sangsi dengan status beliau. Sebagai contoh, beliau telah pun dinasabkan kepada bapa biologinya seperti yang tertera di dalam kad pengenalan tetapi tidak pasti dengan statusnya. Di dalam kes ini, pemohon akan memohon kepada mahkamah untuk mengesahkan statusnya sama ada Anak Tak Sah Taraf atau tidak secara sukarela dan bukan atas faktor lain.

Prosedur di Mahkamah Syariah adalah tertakluk di bawah Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri-negeri. Kes mestilah dimulakan melalui ‘Permohonan’ iaitu Permohonan Pengesahatarafan Anak Tak Sah Taraf. Sebagai contoh, perkara ini diperuntukkan di bawah seksyen 7 (2) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2003 yang menyebut bahawa semua prosiding berkaitan dengan mana-mana perkara yang dinyatakan dalam jadual Kedua hendaklah dimulakan melalui permohonan.

Sesuatu permohonan pula hendaklah dibuat melalui notis dalam Borang MS3 dan disokong dengan affidavit yang diangkat sumpah. Borang MS3 mengarahkan pihak responden untuk hadir ke mahkamah pada tarikh dan masa yang tertentu. Pemohon hendaklah melampirkan alasan-alasan yang konkrit untuk menyokong hujahnya. Affidavit hendaklah mengikut bentuk affidavit seperti di dalam borang MS26 yang menghendaki pemohon mengisi butiran lengkap maklumat peribadi dan alasan-alasan yang hendak dideposkan. Affidavit tersebut hendaklah diangkat sumpah sama ada di hadapan mana-mana Hakim Syarie atau Pendaftar atau mana-mana pegawai Islam Kedutaan Malaysia atau Konsulat atau Misi Tetap tempat itu sekiranya di luar negara untuk menentukan kesahihannya di mahkamah (Seksyen 112 Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003). Apa-apa dokumen yang hendak digunakan berhubungan dengan sesuatu affidavit seperti salinan kad pengenalan diri sendiri atau ibu bapa, sijil nikah, salinan surat beranak, hendaklah dilampirkan pada affidavit tersebut sebagai ekshibit yang mempunyai perakuan dan diangkat sumpah dalam Borang MS27 (Seksyen 114 Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003).

Mahkamah akan meneliti setiap permohonan berdasarkan fakta kes serta pembuktian yang dibuat semasa perbicaraan. Perintah atau penghakiman akan dikeluarkan sama ada menerima permohonan untuk menasabkan Anak Tak Sah Taraf kepada bapa biologi atau menolak permohonan dan mengarahkan Anak Tak Sah Taraf tersebut untuk dibinkan 'Abdullah' atau mana-mana nama asmaul husna. Terdapat juga kes yang melibatkan permohonan pengesahatarafan anak dengan ketidakhadiran defendan dan dalam kes seumpama ini, mahkamah akan meminta plaintif atau pemohon untuk melakukan sumpah *al Istizhar* dan kebiasaannya mahkamah akan mengeluarkan perintah berdasarkan *yamin* ini untuk membenarkan anak tersebut dinasabkan kepada bapa biologi. Sekiranya kes melibatkan Jabatan Pendaftaran Negara seperti pendaftaran kelahiran, perintah atau penghakiman ini perlu diserahkan kepada Jabatan Pendaftaran Negara dan dengan perintah ini, Jabatan Pendaftaran Negara akan menerima permohonan untuk mendaftarkan nama Anak Tak Sah Taraf kepada bapa biologinya melalui prosedur pindaan maklumat bapa.

### **3.0 Kes-Kes Diputuskan Di Mahkamah Syariah Berkaitan Anak Tak Sah Taraf**

Adalah amat penting untuk melihat amalan dan pelaksanaan kes yang berkaitan dengan Anak Tak Sah Taraf. Bagi memberikan gambaran umum tentang pelaksanaan kes Anak Tak Sah Taraf ini, penulis telah menemubual hakim, pendaftar Mahkamah Syariah dan peguam syarie serta membaca

sendiri fail kes di Mahkamah. Bagi maksud analisa kes di Mahkamah, penulis telah memilih kes-kes berkaitan Anak Tak Sah Taraf yang diputuskan di Mahkamah Tinggi Syariah Seremban, Negeri Sembilan, Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu dan Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu. Seksyen 3.0 ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu (i) Statistik Kes Berkaitan Anak Tak Sah Taraf Melalui Jenis Permohonan (ii) Kes Melibatkan Keputusan Mahkamah Menolak Permohonan Pengesahatarafan Anak dan (iii) Kes Melibatkan Keputusan Mahkamah Membenarkan Permohonan Pengesahatarafan Anak.

### **3.1 Statistik Kes Berkaitan Anak Tak Sah Taraf Melalui Jenis Permohonan**

Setelah meneliti kes-kes yang diputuskan di Mahkamah Syariah, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa kes berkaitan Anak Tak Sah Taraf ini meliputi kes yang melibatkan permohonan wali hakim bagi tujuan pernikahan anak perempuan yang tidak sah taraf, permohonan pengesahatarafan anak dan permohonan pengesahan sabitan nasab. Kes-kes melibatkan Anak Tak Sah Taraf ini kebiasaannya dapat diketahui melalui tiga jenis permohonan ini. Sehingga kini, kes-kes diputuskan di Mahkamah Syariah berkaitan Anak Tak Sah Taraf, majoritinya adalah berhubung dengan permohonan wali hakim bagi urusan perkahwinan.

### 3.1.1 Permohonan Wali Hakim Berkaitan Anak Tak Sah Taraf

Jadual 1.0 di bawah menunjukkan statistik permohonan wali hakim berkaitan Anak Tak Sah Taraf di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan dari tahun 2008-2012. Statistik menunjukkan bahawa terdapat banyak kes yang melibatkan Anak Tak Sah Taraf dan permohonan pelantikan wali hakim. Pihak Mahkamah juga memaklumkan bahawa kebanyakan atau majoriti permohonan adalah diluluskan dan hanya sedikit permohonan yang ditolak atas sebab-sebab tertentu.

**Jadual 1.0 Statistik kes Permohonan Wali hakim di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan Darul Khusus dari tahun 2008 sehingga 31 Oktober 2012**

Tahun	Jumlah Kes	Permohonan Diluluskan	Permohonan Ditolak	Permohonan Batal	Tarik Balik Kes	Dalam Prosiding
2008	244	217	2	12	13	-
2009	267	225	14	18	10	-
2010	308	263	8	13	12	12
2011	305	269	5	8	6	17
2012	270	220	10	6	5	29
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1394</b>	<b>1194</b>	<b>39</b>	<b>57</b>	<b>46</b>	<b>58</b>

Sumber : Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan

Statistik yang direkodkan mulai Januari 2008 sehingga 31 Oktober 2012 menunjukkan angka permohonan adalah meningkat setiap tahun. Jumlah kes permohonan wali hakim mencecah sebanyak 244 kes, namun, hanya 217 kes permohonan diluluskan, dua permohonan kes ditolak, 12 permohonan kes batal dan 13 permohonan kes di tarik balik. Pada 2009, jumlah kes adalah sebanyak 267 dan 225 permohonan diluluskan, 14 permohonan kes ditolak, 18 permohonan kes batal dan 10 kes tarik balik.

Sementara itu, pada 2010, jumlah permohonan di Mahkamah meningkat sehingga 308 kes. Mahkamah merekodkan bahawa sebanyak 206 permohonan kes diluluskan, lapan permohonan kes ditolak, 13 permohonan kes batal dan 12 permohonan kes tarik balik dan 77 kes masih dalam prosiding. Manakala tahun 2011 jumlah permohonan menurun sedikit iaitu sebanyak 305 permohonan. 269 permohonan diterima, lima permohonan kes ditolak, lapan permohonan kes batal,

enam permohonan kes ditarik balik dan 17 permohonan masih dalam prosiding. Pada tahun 2012, setakat bulan Oktober, jumlah permohonan adalah sebanyak 270. 220 permohonan diterima, 10 permohonan ditolak, enam permohonan dibatalkan, lima permohonan ditarik balik dan 29 permohonan masih dalam prosiding. Justeru, jumlah keseluruhan kes bagi lima tahun iaitu 2008-2012 adalah sebanyak 1394 kes di mana 1194 permohonan telah diluluskan. Jadual 1.0 di atas merumuskan bahawa sebanyak 39 permohonan wali hakim telah ditolak, 57 permohonan batal, 46 permohonan tarik balik dan 58 permohonan masih dalam prosiding.

### **3.1.2 Permohonan Pengesahatarafan Anak**

Bagi kes yang melibatkan permohonan khusus pengesahatarafan anak (tidak berkaitan dengan permohonan wali hakim) di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan, angka kes tidak mencapai 10 kes setiap tahun. Jika dilihat lima tahun kebelakang mulai 2008, hanya sebanyak lapan kes, tujuh permohonan kes diluluskan dan satu kes ditarik balik. Manakala 2009, jumlah kes menurun iaitu sebanyak empat kes namun tiada permohonan kes diluluskan dan dua permohonan kes ditolak dan batal. Pada 2010 pula jumlah kes sebanyak meningkat kembali iaitu tujuh kes, empat permohonan diluluskan, satu permohonan ditolak dan dua lagi permohonan masih dalam prosiding. Sementara itu, pada 2011, jumlah kes kembali menurun iaitu sebanyak lima jumlah kes, dua permohonan diluluskan dan ditolak manakala kes ditarik balik hanya satu kes. Walaubagaimanapun, sehingga 31 Oktober 2012, permohonan pengesahatarafan anak meningkat kembali iaitu sebanyak lapan jumlah kes, namun tiada satu pun kes diluluskan, tiga permohonan ditolak, satu permohonan kes batal dan empat permohonan masih dalam prosiding. Justeru jumlah keseluruhan 2008-2012 adalah sebanyak 32 kes di mana 13 permohonan diterima, lapan permohonan ditolak, dua permohonan batal, tiga permohonan tarik balik dan enam permohonan dalam prosiding. Data terperinci mengenai jadual kes tersebut adalah seperti dalam jadual 2.0 di bawah.

**Jadual 2.0 Statistik kes Permohonan Pengesahatarafan Anak di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan Darul Khusus dari tahun 2008 sehingga 31 Oktober 2012**

Tahun	Jumlah Kes	Permohonan Diluluskan	Permohonan Ditolak	Permohonan Batal	Tarik Balik Kes	Dalam Prosiding
2008	8	7	-	-	1	-
2009	4	-	2	2	-	-
2010	7	4	1	-	-	2
2011	5	2	2	-	1	-
2012	8	-	3	-	1	4
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>32</b>	<b>13</b>	<b>8</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>6</b>

Sumber : Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan

### 3.1.3 Permohonan Pengesahan Pensabitan Nasab

Berbanding kes berkaitan Anak Tak Sah Taraf yang melibatkan permohonan wali hakim dan pengesahatarafan anak, kes permohonan pengesahan pensabitan nasab pula merekod angka kes yang tidak begitu ketara. Jumlah kes permohonan bagi kes ini mulai 2008 sehingga 31 Oktober 2012 hanya meliputi tiga permohonan sahaja. Pada 2008 hanya sebanyak dua kes di mana satu sahaja permohonan diluluskan dan selebihnya permohonan dibatalkan. Pada 2009, hanya satu kes diterima dan kes ini kemudiannya ditarik balik. Data terperinci mengenai jadual kes tersebut adalah seperti dalam jadual di bawah.

**Jadual 3.0 Statistik kes Permohonan Pengesahan Pensabitan Nasab di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan Darul Khusus dari tahun 2008 sehingga 31 Oktober 2012**

Tahun	Jumlah kes	Permohonan Diluluskan	Permohonan Batal	Tarik Balik Kes	Dalam Prosiding
2008	2	1	1	-	-
2009	1	-	-	1	-
2010	-	-	-	-	-
2011	-	-	-	-	-
2012	-	-	-	-	-
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>-</b>

Sumber : Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan



### 3.2 Mahkamah Menolak Permohonan Pengesahatarafan Anak

Isu membenarkan Anak Tak Sah Taraf dibinkan kepada bapa adalah suatu isu yang sangat sensitif, kerana itu perundangan Islam agak lebih teliti dalam menentukan sah taraf seseorang anak. Perkara ini adalah amat penting bagi memastikan nasab keturunan seseorang anak itu benar-benar bersih dan suci serta tidak berlaku sebarang percampuran keturunan. Pada pandangan Islam, Anak tak sah taraf adalah sah dinasabkan kepada bapa sekiranya kehamilan dan kelahiran berlaku di dalam perkahwinan yang sah di sisi agama dan undang-undang. Justeru, permohonan pengesahatarafan untuk membenarkan Anak Tak Sah Taraf dibinkan kepada bapa akan merujuk kepada Mahkamah Tinggi Syariah bagi pensabitan nasab. Berikut adalah beberapa kes di Mahkamah Tinggi Syariah yang tidak membenarkan Anak Tak Sah Taraf dinasabkan kepada bapa.

Di dalam kes *Raisha binti Annuar* Kes No: 05100-006-0447-2009 di Mahkamah Tinggi Syariah Seremban yang diputuskan pada 4 September 2009. Kes ini merujuk kepada permohonan Raisha binti Annuar, pemohon, supaya mahkamah membuat sabitan bahawa adakah pemohon ini boleh dinasabkan kepada ayahnya yang bernama Annuar Hj. Zakaria. Pemohon telah membuat permohonan di Mahkamah apabila status kesahatarafannya diragui oleh Pejabat Agama Daerah Port Dickson setelah beliau menghantar borang permohonan berkahwin di Pejabat Agama Daerah Port Dickson bersama pasangannya Mohd Yusoff bin Mohd Annuar. Pejabat Agama mendapati bahawa pemohon telah dilahirkan kurang daripada enam bulan Qamariah dari tarikh perkahwinan ibubapanya. Fakta ini diketahui melalui rujukan kepada sijil pernikahan kedua ibu bapanya (Annuar Hj. Zakaria dan Zaharah Yunus) bertarikh 5 April 1985 sedangkan tarikh kelahiran beliau ialah 1 Oktober 1985. Setelah meneliti dokumen dan bukti-bukti lain, Mahkamah mengesahkan bahawa tempoh pernikahan dan kelahiran tidak mencukupi enam bulan. Mahkamah telah memutuskan bahawa status pemohon adalah Anak Tak Sah Taraf dan dengan itu tidak boleh dinasabkan kepada bapanya Annuar Hj. Zakaria. Pernikahan pemohon hendaklah berwalikan wali hakim.

Di dalam kes *Titik Subiyanti*, Kes No. 05100-006-0213-2008 di Mahkamah Tinggi Syariah Seremban yang diputuskan pada 7 Mei 2008. Di dalam kes ini, pemohon telah memfailkan permohonan pengesahatarafan anak bernama Nur Hidayah binti Nara Findi. Maklumat di dalam sijil pernikahan merekodkan bahawa pemohon telah bernikah dengan Nara Findi pada 7 September 2005 di Kuala Koto Pariamati, Indonesia dan pada 1 Disember 2007 suami beliau telah meninggal dunia. Beliau

telah melahirkan seorang anak bernama Nur Hidayah binti Nara Findi pada 8 Disember 2007. Berdasarkan bukti dan keterangan, Mahkamah telah memutuskan bahawa anak yang bernama Nur Hidayah tidak boleh dinasabkan kepada Nara Findi.

Begitu juga dalam kes *Mohd Hairy bin Hamdan v. Rabiab Binti Ishak* di Mahkamah Tinggi Syariah, Seremban. Kes ini melibatkan permohonan oleh suami supaya Mahkamah membuat sabitan bahawa anak perempuannya Nurul Fatimah binti Mohd Hairy yang telah dilahirkan oleh isterinya Rabiab Binti Ishak pada 24 Mac 2003 adalah Anak Sah Taraf. Pemohon telah berkahwin dengan responden pada 25 September 2002 dan kemudian telah bercerai pada 7 Julai 2003 di Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat Selangor. Semasa bernikah, Responden sedang mengandung dan kemudiannya telah melahirkan anak perempuan yang diberi nama *Nurul Fatimah bin Mohd Hairy* pada 24 Mac 2003 iaitu lebih kurang enam bulan usia perkahwinan. Sepanjang tempoh perkahwinan, pemohon dan responden tidak pernah melakukan sebarang hubungan kelamin malah mereka tidak tinggal sebumbung dan tidur bersama. Keputusan Mahkamah menyatakan bahawa anak bernama *Nurul Fatimah binti Mohd Hairy* adalah Anak Tak Sah Taraf dan tidak boleh dibintikan kepada pemohon sebagaimana di dalam sijil kelahiran iaitu Mohd Hairy bin Hamdan. Pendaftaran nama bapa iaitu *Mohd Hairy bin Hamdan* sebagaimana terkandung dalam sijil kelahiran hendaklah dibatalkan. Perintah adalah di atas persetujuan kedua-dua belah pihak dan berkuatkuasa serta merta.

Di dalam kes *Harun Bin Mohamad Raus v. Masliana Binti Mohd Saem* di Mahkamah Tinggi Syariah, Seremban. Kes ini merujuk kepada permohonan oleh Harun Bin Mohamad Raus supaya mahkamah membuat sabitan bahawa bayi perempuannya dinamakan Nurcamelia Aimie binti Harun adalah Anak Sah Taraf mengikut Hukum Syarak melalui perkahwinannya dengan Masliana Binti Mohd Saem. Bayi perempuan ini telah dilahirkan pada 17 Disember 2011 di Hospital Tengku Jaafar Seremban. Pemohon di dalam permohonan ini telah diakadnikahkan dengan Masliana Binti Mohd Saem pada 24 Jun 2011 dan semasa perkahwinan itu defendan telah mengandung dua bulan. Setelah meneliti fakta dan keterangan, mahkamah memutuskan bahawa bayi perempuan yang bernama Nurcamelia Aimie binti Harun adalah Anak Tak Sah Taraf bagi pasangan pemohon dan Masliana binti Mohd Saem. Anak tersebut tidak boleh dinasabkan kepada Harun bin Mohamad Raus.

Di dalam kes *Md Subaimi Bin Mahmood v. Juliana Binti Mahmood* di Mahkamah Tinggi Syariah, Seremban. Kes ini melibatkan permohonan oleh suami sebagai pemohon supaya Mahkamah membuat pengesahatarafan anak yang dilahirkan 3 bulan selepas pernikahannya dengan pasangannya

Juliana Binti Mahmood bertarikh 12 Mei 1999. Pada 20 Ogos 1999, seorang bayi lelaki telah dilahirkan dari perkahwinan tersebut iaitu tiga bulan selepas pernikahan. Berdasarkan kepada keterangan, pemohon dan reponden telah mengaku bahawa anak ini adalah hasil dari persetubuhan luar nikah sebelum pernikahan. Setelah Mahkamah meneliti keterangan dan fakta kes, Mahkamah telah memutuskan bahawa anak lahir tiga bulan selepas pernikahan iaitu kurang enam bulan dari tarikh perkahwinan adalah haram dinasabkan kepada suami ibunya atau lelaki yang menyebabkan kehamilan anak tersebut.

### **3.3 Mahkamah Membenarkan Permohonan Pengesahatarafan Anak**

Bagi memastikan analisa kes ini dibuat secara komprehensif dan tepat, penulis bukan sahaja telah meneliti kes bahkan telah menemubual sendiri Ketua Hakim Syarie Negeri Terengganu, Dato' Haji Ismail bin Yahya yang telah memutuskan beberapa kes dan membenarkan Anak Tak Sah Taraf dibinkan atau dinasabkan kepada bapa biologinya. Yang Amat Arif telah menerangkan hujah dan alasan penghakiman secara terperinci melalui temubual tersebut. Berikut ialah kes-kes yang telah diputuskan di mana Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu termasuk kes di Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu dan Mahkamah Tinggi Syariah Seremban telah membenarkan permohonan pengesahatarafan Anak Tak Sah Taraf. Kes-kes ini boleh dibahagikan kepada lima situasi iaitu (i) Kesahatarafan anak yang lahir kurang enam bulan dari tarikh perkahwinan (ii) Kesahatarafan anak yang lahir lebih enam bulan dari tarikh perkahwinan (iii) Kesahatarafan Anak Di dalam Kes Suami Menghilangkan Diri (iv) Kesahatarafan anak yang lahir setelah berlakunya penceraian dan (v) Kesahatarafan Anak Di dalam kes Watie Syubhah.

### **3.3.1 Kesahtarafan Anak yang Lahir Kurang Enam Bulan dari Tarikh Perkahwinan**

Di dalam kes *Zafrin Zulhilmi bin Pauzi v Noor Aini Binti Nasron* Kes No: 11300-006-0033-2012 di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu yang diputuskan pada 7 Ogos 2012. Kes ini merujuk kepada permohonan oleh Zafrin Zulhilmi bin Pauzi, Pemohon, supaya Mahkamah membuat sabitan bahawa bayi perempuan, Nur Damia Aqilla binti Abdullah adalah Anak Sah Taraf mengikut Hukum Syarak bagi pasangan Noor Aini binti Nasron dengan Pemohon. Merujuk kepada sijil kelahiran, bayi perempuan tersebut telah dilahirkan pada 3 September 2010. Pemohon telah diakadnikahkan dengan Noor Aini binti Nasron, Responden pada 16 April 2010. Responden tidak pernah membantah permohonan Pemohon, malah turut menyokong permohonan supaya Nur Damia Aqilla disabitkan sebagai Anak Sah Taraf mengikut Hukum Syarak kepada Zafrin Zulhilmi bin Pauzi, Pemohon. Bayi perempuan tersebut, Nur Damia Aqilla dilahirkan kurang dari enam bulan dari tarikh akadnikah perkahwinan iaitu hanya selama empat bulan dua puluh empat hari.

Setelah meneliti fakta dan keterangan, Mahkamah telah membuat keputusan bahawa bayi bernama Nur Damia Aqilla binti Abdullah hendaklah dinasabkan kepada kepada Pemohon, Zafrin Zulhilmi bin Pauzi. Mahkamah berpandangan bahawa Anak Tak Sah Taraf boleh dinasabkan kepada bapa walaupun anak tersebut dilahirkan kurang daripada enam bulan tarikh akadnikah. Mahkamah walaubagaimanapun memutuskan bahawa Pemohon tidak boleh menjadi wali kepada bayi tersebut dan juga tidak boleh saling mempusakai.

### **3.3.2 Kesahtarafan Anak yang Lahir Lebih Enam Bulan dari Tarikh Perkahwinan**

Merujuk kepada kes *Wan Khairi Wan Azmi v Farah Nurliliana Jauhari* [2011] 1 CLJ (Sya) 344 yang melibatkan permohonan oleh suami (Pemohon) supaya Mahkamah membuat sabitan bahawa bayi lelaki yang telah dilahirkan oleh isterinya, Farah Nurliliana binti Jauhari, pada 7 Disember 2010 jam 9.20 pagi adalah Anak Sah Taraf mengikut Hukum Syarak. Di dalam kes ini Mahkamah telah membuat sabitan bahawa seorang bayi lelaki yang telah dilahirkan oleh Farah Nurliliana binti Jauhari pada 7 Disember 2010 adalah Anak Sah Taraf mengikut Hukum Syarak dan perlu dinasabkan kepada Wan Khairi bin Wan Azmi. Setelah meneliti fakta dan keterangan kes, Mahkamah mensabitkan bahawa bayi lelaki yang telah dilahirkan oleh Farah Nurliliana binti Jauhari pada 7 Disember 2010 adalah mengikut Hukum Syarak dan hendaklah dinasabkan (dibinkan) kepada Wan

Khairi bin Wan Azmi. Menurut perkiraan hakim, anak tersebut telah dilahirkan enam bulan empat hari selepas tarikh perkahwinan ibubapanya. Walaupun diragui status kesahatarafan anak tersebut berdasarkan tempoh kelahirannya, Hakim mendapati bahawa Responden telah melahirkan bayi lelaki berkenaan itu dalam tempoh melebihi enam bulan dua saat (*lahzoh*) dari tarikh akad nikah perkahwinannya dengan Pemohon.

### **3.3.3 Kesahatarafan Anak Di dalam Kes Suami Menghilangkan Diri**

Merujuk kepada kes *Siti Eishah Mustafa v Mohamad Sabberi Hasan*, Kes no: 05100-046-0631-2008 di Mahkamah Tinggi Syariah Seremban di hadapan Yang Arif Tuan Mohd Nadzri Abd Rahman. Di dalam kes ini, pemohon, isteri kepada defendan telah membuat permohonan untuk menasabkan anaknya Muhammad Azim Aiman kepada Mohamad Sabberi Hasan iaitu suaminya. Pemohon mengalami masalah untuk mendaftarkan nama anaknya kepada suaminya kerana dokumen perkahwinan telah hilang dan suaminya juga telah menghilangkan diri ketika pemohon mengandungkan Muhammad Azim Aiman. Setelah defendan gagal untuk hadir ke Mahkamah walaupun diiklankan diakhbar, Mahkamah telah meminta Pemohon untuk melakukan *yamin al istizhar*. Mahkamah akhirnya telah memutuskan bahawa Muhammad Azim Aiman adalah Anak Sah Taraf kepada Mohamad Sabberi Hasan.

### **3.3.4 Kesahatarafan Anak yang Lahir Setelah Berlakunya Penceraian**

Di dalam kes *Fatimah binti Abdullah dan Zainal Abidin bin Mat Zin v Mat Zin Bin Kassim*, kes No: 41-012-1-99 di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu yang diputuskan pada 26 ogos 1999. Di dalam kes ini Fatimah binti Abdullah dan Zainal Abidin bin Mat Zin telah membuat permohonan untuk mensabitkan bahawa Zainal Abidin bin Mat Zin adalah anak Mat Zin bin Kassim. Fatimah Binti Abdullah telah berkahwin dengan Mat Zin bin Kassim pada 1 November 1976 dan telah bercerai pada 12 Disember 1976. Plaintiff Kedua iaitu Zainal Abidin telah dilahirkan pada 26 November 1977 iaitu 350 hari iaitu kira-kira 11 bulan setelah berlakunya penceraian.

Setelah meneliti semua keterangan, Mahkamah memutuskan untuk mensabitkan bahawa Zainal Abidin bin Mat Zin yang dilahirkan pada 26 November 1977 adalah anak yang sah kepada Mat Zin bin Kassim. Mahkamah mendapati Defendan, Mat Zin bin Kassim tidak membuat penafian di mana-mana Mahkamah Syariah untuk menafikan Zainal Abidin bin Mat Zin yang dilahirkan pada 26 November 1977 itu adalah bukan anaknya. Berdasarkan kepada pandangan fuqaha, hakim

memutuskan bahawa sekiranya seseorang suami mentalaqkan isterinya dan isterinya itu tidak berkahwin lain, kemudian lahir anak oleh isteri tersebut dalam tempoh kurang dari empat tahun dari tarikh talaq itu, maka anak tersebut adalah dinasabkan kepada suami itu.

Di dalam kes yang lain iaitu *Wan Azmi v Nik Sahvani* (1415) JH 192, di Mahkamah Qadi Besar Kelantan dihadapan Yang Arif Dato' Haji Daud bin Muhammad. Merujuk kepada fakta kes ini ini, Pemohon telah diakad nikahkan dengan defendan pada 29 Jun 1987 dan kemudian telah bercerai pada 21 Disember 1987 di Mahkamah Kadi, Jajahan Tumpat, Kelantan. Pemohon telah membuat tuntutan nafkah anak dan nafkah mengandung dari defendan di Mahkamah Kadi, Jajahan Kota Bharu. Di antara isu yang terkandung di dalam kes ini ialah kedudukan sahtaraf anak yang dilahirkan di mana anak itu dilahirkan pada 18 Mac 1988, iaitu lapan bulan selepas tarikh perkahwinan. Defendan menafikan anak itu adalah anak kandungnya dan memohon perintah mengisytiharkan bahawa anak itu bukan anaknya.

Mahkamah telah membuat keputusan bahawa anak yang dilahirkan adalah Anak Sah Taraf kepada defendan. Hakim memutuskan demikian kerana terdapat keterangan bahawa defendan telah menyetubuhi pemohon dan anak itu dilahirkan lebih dari enam bulan dari berlaku persetubuhan itu. Dengan itu, anak itu hendaklah dianggap Anak Sah Taraf kepada defendan. Di dalam kes ini, walaupun defendan mengetahui bahawa bekas isterinya telah melahirkan anak tetapi beliau tidak pernah menafikannya untuk sekian lama dan hanya menafikannya setelah tuntutan nafkah anak itu dibuat. Penafian sebegini tidak diterima oleh Mahkamah dan hakim telah mensabitkan nasab anak tersebut kepada defendan dan ini merupakan pandangan yang dinukilkan di dalam kitab *Mughnil Muhtaj* oleh As Syarbini yang mensyaratkan penafian terhadap nasab anak hendaklah dilakukan segera sebaik sahaja anak itu dilahirkan.

### 3.3.5 Kesahatarafan Anak Di dalam Kes Watie Syubhah

Di dalam kes *Mohamad Kamil Hassan v Salmiah Hussein*, Kes No: 11300-054-0007-2010 di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu yang diputuskan pada 16 Mei 2010. Kes ini sebenarnya merujuk kepada permohonan untuk mengesahkan perceraian antara Pemohon dengan Responden. Persoalan mengenai status kesahatarafan anak yang dilahirkan pada 22 Januari 2010 melalui persetubuhan syubhah adalah isu sampingan yang dibicarakan di dalam kes ini. Merujuk kepada keputusan Mahkamah pada isu kesahatarafan anak yang dilahirkan dari persetubuhan *syubhat* antara Pemohon dengan Responden, hakim telah menetapkan bahawa anak tersebut adalah anak kepada Mohd Kamil bin Hassan iaitu ayahnya dan dengan itu anak tersebut hendaklah dinasabkan kepada beliau.

## 4.0 Analisa Kes

Setelah meneliti kesemua kes di mana Mahkamah Tinggi Syariah Seremban telah memutuskan untuk tidak membenarkan Anak Tak Sah Taraf dinasabkan kepada bapa, penulis dapat membuat kesimpulan bahawa hakim telah mengambil pandangan jumur dan ketetapan Majlis Fatwa Kebangsaan dan Fatwa Negeri kecuali Perlis untuk melarang sesiapa untuk menasabkan Anak Tak Sah Taraf kepada bapa. Sekiranya dirujuk kes-kes ini, hakim telah menggunakan hujah-hujah para fuqaha yang menyokong pandangan bahawa adalah tidak dibolehkan untuk menasabkan Anak Tak Sah Taraf kepada bapa. Ini juga adalah bertujuan untuk memelihara kesucian nasab dan mengelakkan percampuran atau permasalahan keturunan di kemudian hari. Kes yang diputuskan di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan adalah selari dengan peruntukan undang-undang yang terkandung di bawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 2003 dan juga fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Sembilan. Seksyen 2, 81, 86, 111 dan 112 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam memperuntukkan beberapa peruntukan mengenai kedudukan Anak Tak Sah Taraf.

Merujuk kepada Jadual di dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 1991, Jawatankuasa Syariah Negeri Sembilan telah membuat keputusan bahawa pihak jabatan pendaftaran negeri dilarang menasabkan nama anak tidak syarie kepada kepada suami ibu atau lelaki yang menyebabkan kehamilan ibunya. Ini kerana hukumnya haram menasabkan seseorang bayi yang dilahirkan kurang 6 bulan daripada tarikh akad nikah kepada suami ibu atau lelaki yang menyebabkan kehamilan ibunya. Begitu juga bayi yang dilahirkan lebih daripada 6 bulan dan kurang daripada 4

tahun sekiranya yakin bahawa kehamilan telah berlaku sebelum akad atau suami tidak bersetubuh selepas akad nikah. Selaras dengan fatwa ini, garis panduan bagi mengenal pasti anak sah atau tidak sah taraf telah diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Sembilan diwartakan pada 12 Januari 2002.

Terdapat satu kes iaitu *Siti Eishab Mustafa v Mohamad Sabberi Hasan*, di mana Mahkamah Tinggi Syariah Seremban telah membenarkan pemohon untuk menasabkan anaknya kepada bapa setelah bapa tersebut menghilangkan diri dua bulan selepas pemohon mengandung. Di dalam kes ini, anak tersebut bukanlah Anak Tak Sah Taraf tetapi anak yang tidak diketahui statusnya dan Mahkamah telah mengambil ketetapan bahawa anak tersebut adalah Anak Sah Taraf dan dinasabkan kepada bapanya. Ini bermakna, kesemua kes yang diputuskan di Mahkamah Tinggi Syariah Seremban telah menetapkan bahawa Anak Tak Sah Taraf tidak boleh dinasabkan kepada bapanya. Malahan di dalam kes *Mohd Hairy bin Hamdan v. Rabiab Binti Ishak*, Mahkamah memutuskan bukan sahaja Anak Tak Sah Taraf tidak boleh dibintikan kepada bapa tetapi pendaftaran nama anak yang dinasabkan kepada bapa iaitu *Mohd Hairy bin Hamdan* hendaklah dibatalkan. Kes ini amat menarik memandangkan bahawa hakim telah mengambil pendekatan yang lebih pro-aktif di mana menggesa untuk membatalkan pendaftaran nama bapa yang terkandung di dalam sijil kelahiran.

Setelah meneliti alasan penghakiman yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu, penulis mendapati bahawa hakim telah mengambil pandangan yang membenarkan Anak Tak Sah Taraf dinasabkan dan dibintikan kepada bapa biologinya hatta kepada sesiapa yang mengahwini ibu kepada Anak Tak Sah Taraf tersebut dengan syarat tertentu. Dengan merujuk kepada pandangan Dr. Abdul Karim Zaidan berdasarkan kepada nas dan hadith berkaitan, hakim mengambil pendirian bahawa seseorang anak yang dilahirkan kurang dari enam bulan dari waktu akadnikah perkahwinan boleh dinasabkan kepada si lelaki yang mengahwini ibu yang mengandung dan melahirkan anak itu mengikut undang-undang atau peraturan-peraturan keduniaan, dan dengan syarat lelaki itu tidak menyatakan yang anak itu adalah anak dari perbuatan zinanya.

Kes-kes di atas juga menunjukkan bahawa peruntukan undang-undang seperti yang terkandung di bawah seksyen 13 dan 13A Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 memberi ruang seseorang anak yang dilahirkan kurang dari enam bulan dari waktu akadnikah perkahwinan boleh dinasabkan kepada si lelaki yang mengahwini ibu yang mengandung dan melahirkan anak itu dengan



syarat ibu dan orang yang mengaku dirinya sebagai bapa kanak-kanak itu membuat permintaan bersama, dan orang itu hendaklah dalam hal sedemikian menandatangani daftar itu bersama dengan ibu itu. Walaupun Mahkamah Tinggi Syariah memutuskan untuk membenarkan permohonan untuk menasabkan dan membinkan seseorang anak yang dilahirkan kurang dari enam bulan dari waktu akad nikah perkahwinan, hakim berpandangan bahawa anak tersebut dan bapanya tidak boleh saling mempusakai dan bapa juga tidak boleh menjadi wali kepada anak tersebut. Hakim merumuskan bahawa persoalan kewalian dan kepusakaan bukanlah dikategorikan sebagai 'ahkam al dunya' أحكام الدنيا di mana anak tersebut hanya boleh dibinkan kepada bapa biologinya tetapi penasaban ini tidak mengubah kedudukan dari sudut pewalian dan kepusakaan.

Selain itu, di dalam kes *Fatimah binti Abdullah dan Zainal Abidin bin Mat Zin v Mat Zin Bin Kassim* dan *Wan Azmi v Nik Salwani*, hakim telah memutuskan untuk membenarkan pemohon untuk menasabkan anak yang lahir setelah berlakunya penceraian. Hakim memutuskan bahawa sekiranya seseorang suami telah bercerai dengan isterinya dan isterinya itu tidak berkahwin lain, kemudian lahir anak oleh isteri tersebut dalam tempoh kurang dari empat tahun dari tarikh penceraian, maka anak tersebut adalah dinasabkan kepada suami itu. Sekiranya suami itu ingin membuat penafian nasab anak, maka sebarang penafian mestilah dibuat segera. Hakim mendapati bahawa penafian yang dibuat oleh suami itu antaranya adalah disebabkan untuk mengelakkan tanggungjawab memberi nafkah kepada anak tersebut.

Namun begitu, setelah diteliti kes yang diputuskan oleh Ketua Hakim Syarie Terengganu yang membenarkan permohonan pengesahatarafan Anak Tak Sah Taraf, pemerhatian penulis dibahagikan kepada dua bahagian.

(i) Bagi penghakiman yang membenarkan permohonan Anak Tak Sah Taraf di dalam kes kesahatarafan Anak yang lahir lebih enam bulan qamariah daripada tarikh perkahwinan, kesahatarafan anak dalam kes suami menghilangkan diri, kesahatarafan anak yang lahir setelah berlaku penceraian dalam masa empat tahun dan kesahatarafan anak di dalam kes watie syubhah:

Penulis mendapati bahawa berdasarkan kepada peruntukan undang-undang di bawah Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Negeri Terengganu 1985, Mahkamah berbidangkuasa dan boleh untuk membenarkan permohonan pengesahatarafan Anak Tak Sah Taraf. Di samping itu,

fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu yang diwartakan juga tidak menyebut atau melarang sesiapa untuk menasabkan Anak Tak Sah Taraf di dalam kes di atas. Kesimpulan yang dapat dibuat di sini ialah, keputusan yang telah dibuat oleh hakim adalah selari dengan peruntukan undang-undang dan tidak berlawanan dengan keputusan fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu.

(i) Bagi penghakiman yang membenarkan permohonan pengesahatarafan Anak Tak Sah Taraf yang lahir kurang enam bulan qamariah dari tarikh perkahwinan:

Setelah meneliti peruntukan undang-undang sedia ada termasuk fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu, penulis mendapati bahawa terdapat beberapa isu yang perlu diselesaikan khususnya kes *Zafrin Zulhilmi bin Pauzi v Noor Aini Binti Nasron* Kes No: 11300-006-0033-2012 di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu yang diputuskan pada 7 Ogos 2012. Di dalam kes ini, hakim telah membuat keputusan bahawa bayi bernama Nur Damia Aqilla binti Abdullah hendaklah dinasabkan kepada Pemohon, Zafrin Zulhilmi bin Pauzi. Mahkamah berpandangan bahawa Anak Tak Sah Taraf boleh dinasabkan kepada bapa walaupun anak tersebut dilahirkan hanya dalam empat bulan 24 hari dari tarikh perkahwinan. Mahkamah walaubagaimanapun memutuskan bahawa Pemohon tidak boleh menjadi wali kepada bayi tersebut dan juga tidak boleh saling mempusakai.

Walaupun secara umumnya, tiada peruntukan khusus dan jelas yang melarang atau menghalang Mahkamah Syariah untuk membenarkan permohonan pengesahatarafan Anak Tak Sah Taraf yang lahir kurang enam bulan qamariah dari tarikh perkahwinan, setelah dirujuk fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu, penulis mendapati bahawa keputusan mahkamah ini perlu disemak semula. Ini berdasarkan kepada keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu yang diwartakan pada 6 Januari 2005. Selain Terengganu, negeri Kedah, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka juga telah mewartakan pandangan yang sama.

Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu secara umumnya memutuskan bahawa "Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu mereka tidak boleh pusaka mempusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali dan tidak diharuskan perkara-perkara yang diharuskan bagi keluarga yang sah tarafnya pada syarak ". Merujuk kepada fatwa di atas, Mahkamah juga terikat dengan fatwa yang diwartakan ini iaitu tidak dibenarkan menasabkan anak zina kepada lelaki yang menyebabkan kelahiran anak tersebut. Selain daripada itu, anak tersebut tidak boleh mewarisi harta

pusaka lelaki tersebut, tidak boleh mahram dan wali serta tidak menjadi tanggungjawab lelaki itu menyediakan nafkah kepada anak tersebut.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya diteliti maksud dan kandungan fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu di atas, ia adalah terlalu umum. Fatwa yang diwartakan adalah tidak terperinci untuk melarang mana-mana pihak untuk menasabkan Anak Tak Sah Taraf yang kurang atau lebih enam bulan daripada tarikh perkahwinan. Fatwa tersebut hanya menyebut larangan penasaban Anak Tak Sah Taraf tanpa memperincikan hukumnya. Walaupun terdapat keputusan Fatwa yang menyebut secara jelas bahawa Anak Tak Sah Taraf itu mesti dibinkan kepada ibunya atau Abdullah bukan ayahnya di dalam kes kelahiran kurang enam bulan qamariah daripada tarikh perkahwinan, fatwa bertarikh 5 Disember 1995 itu tidak diwartakan dan seterusnya menjadikan Mahkamah Syariah tidak terikat dengan fatwa tersebut.

Berdasarkan kepada beberapa persoalan dan isu yang dibincangkan di atas, penulis berpandangan bahawa kes *Zafrin Zulbilmi bin Pauzi v Noor Aini Binti Nasron* perlu dibuat semakan. Ini tidak bermakna hakim telah membuat kesilapan undang-undang dan penghakiman di dalam kes ini, tetapi penulis mendapati bahawa isu yang melibatkan penasaban Anak Tak Sah Taraf yang lahir kurang enam bulan dari tarikh perkahwinan di Negeri Terengganu memerlukan ketetapan yang lebih jelas dari sudut undang-undang. Semakan kes ini pasti boleh membantu untuk menentukan kedudukan undang-undang dan ketetapan Mahkamah Syariah dalam kes seumpama ini.

## 5.0 Kesimpulan

Secara umumnya, Anak Tak Sah Taraf mempunyai hak dan kedudukannya yang tersendiri seperti yang diperuntukkan dalam perundangan Islam mahupun sivil. Bagi orang bukan Islam, isu kesahatarafan anak tidaklah begitu menjadi persoalan besar. Ia berbeza apabila melibatkan hal ehwal orang Islam. Dalam aspek ini, perundangan Islam adalah sangat teliti dalam menentukan sah taraf seseorang anak supaya dapat dikenal pasti keturunan seseorang anak itu benar-benar bersih dan suci serta tidak berlaku sebarang percampuran keturunan. Islam hanya mengiktiraf nasab seseorang sekiranya kehamilan dan kelahiran berlaku di dalam perkahwinan yang sah dari sudut hukum syarak.

Setelah meneliti kesemua kes yang berkaitan, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa terdapat dua pendekatan Mahkamah Tinggi Syariah dalam membuat keputusan berkaitan Anak Tak Sah Taraf. Pendekatan pertama memutuskan untuk tidak membenarkan Anak Tak Sah Taraf dinasabkan kepada bapa berdasarkan kepada pandangan jumbuh dan ketetapan Majlis Fatwa Kebangsaan dan Fatwa Negeri kecuali Perlis. Pendekatan kedua pula membenarkan permohonan pengesahatarafan anak untuk dinasabkan dan dibinakan kepada bapa biologinya hatta kepada sesiapa yang mengahwini ibu kepada Anak Tak Sah Taraf tersebut dengan syarat tertentu. Pendekatan kedua ini adalah bersandarkan kepada pandangan beberapa fuqaha yang berdasarkan kepada nas dan hadith berkaitan. Perlu juga diingatkan bahawa hakim mengambil pendekatan kedua ini walaupun mensyaratkan bahawa seseorang anak yang dilahirkan kurang dari enam bulan dari waktu akad nikah perkahwinan boleh dinasabkan kepada si lelaki yang mengahwini ibu yang mengandung dan melahirkan anak itu mengikut undang-undang atau peraturan-peraturan keduniaan, dan dengan syarat lelaki itu tidak menyatakan yang anak itu adalah anak dari perbuatan zinya.

Pendekatan Mahkamah yang membenarkan permohonan pengesahatarafan anak berlaku dalam pelbagai situasi dan ini termasuk (i) Kesahatarafan anak yang lahir kurang enam bulan dari tarikh perkahwinan (ii) Kesahatarafan anak yang lahir lebih enam bulan dari tarikh perkahwinan (iii) Kesahatarafan Anak Di dalam Kes Suami Menghilangkan Diri (iv) Kesahatarafan anak yang lahir setelah berlakunya perceraian dan (v) Kesahatarafan Anak Di dalam kes Watie Syubhah. Hakim di dalam kesemua kes ini telah memutuskan untuk membenarkan pemohon menasabkan anak tersebut kepada bapa. Malahan, Mahkamah telah memutuskan untuk membenarkan permohonan pengesahatarafan anak walaupun anak tersebut dilahirkan dalam masa tempoh kurang enam bulan dari

tarikh permohonan. Setelah meneliti alasan penghakiman dan dapatan melalui temubual dengan Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie, penulis mendapati bahawa keputusan yang dibuat oleh Mahkamah adalah berdasarkan kepada sumber yang sahih dan bersandarkan kepada pandangan fuqaha.

Walaupun bagaimanapun, setelah diteliti, penulis berpandangan bahawa kes *Zafrin Zulbilmi bin Pauzi v Noor Aini Binti Nasron* yang melibatkan keputusan Mahkamah membenarkan permohonan pengesahatarafan anak yang lahir kurang dari enam bulan perlu dibuat semakan. Semakan ini tidak bermakna hakim telah membuat kesilapan undang-undang dan penghakiman, tetapi penulis mendapati bahawa isu yang melibatkan penasaban Anak Tak Sah Taraf yang lahir kurang enam bulan dari tarikh perkahwinan di Negeri Terengganu memerlukan ketetapan yang lebih jelas dari sudut undang-undang. Ini memandangkan di Terengganu telah ada fatwa diwartakan yang melarang Anak Tak Sah Taraf dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya. Fatwa ini sebenarnya adalah umum dan memerlukan perincian dan penjelasan lebih lanjut. Penulis yakin bahawa dengan semakan kes ini, ia pasti boleh membantu untuk menentukan kedudukan undang-undang dan ketetapan Mahkamah Syariah dalam kes yang melibatkan Anak Tak Sah Taraf.

## **Rujukan**

Azliza Shahrudin, Timbalan Pengarah Bahagian Kelahiran, Kematian & Anak angkat, Jabatan Pendaftaran Negara, 6 November 2012: Temubual.

Dato' Ismail bin Arif di Mahkamah Syariah Terengganu, 21 Oktober 2012, Kuala Terengganu.

Datuk Zainul Rijal Abu Bakar, Presiden Persatuan Peguam Muslim Malaysia, 18 Oktober 2012: Temubual.

Tuan Abdul Ghani Kiflie, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, 10 Oktober 2012: Temubual

Tuan Rohaizad Redzuan, Mahkamah Syariah Negeri Sembilan, 5 Oktober 2012: Temubual.

## **Akta/ Enakmen**

Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957.

Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 2003.

Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 1991.

Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Negeri Terengganu 1985.

Perlembagaan Persekutuan.